

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

17.06.2016

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

MALAYSIA BUILDING SOCIETY BERHAD (“MBSB”)

Lembaga Pengarah MBSB mengumumkan mereka memutuskan untuk menetapkan yang berikut:-

- (i) Harga Terbitan bagi Terbitan Hak pada RM1.00 setiap satu, yang mana Panggilan Pertama RM0.59 bagi setiap Terbitan Hak akan dibayar secara tunai atas permohonan dan Panggilan Kedua RM0.41 bagi setiap Terbitan Hak akan dipermodalkan daripada akaun premium saham MBSB; dan
- (ii) asas kelayakan satu (1) Terbitan Hak untuk setiap satu (1) saham MBSB sedia ada yang dipegang oleh Pemegang Saham yang Layak.

Panggilan Pertama RM0.59 mewakili diskaun sebanyak RM0.29 atau kira-kira 33.0% daripada harga teori selepas terbitan hak (TERP) Saham MBSB iaitu RM0.88 berdasarkan jumlah harga purata wajar (VWAP) sepanjang lima (5) hari pasaran saham MBSB sehingga dan termasuk 8 Jun 2016 iaitu tarikh dagangan terakhir sebelum tarikh pengumuman, berjumlah RM1.1739.

MBSB telah mendapat aku janji bertulis yang tidak boleh ditarik balik bertarikh 10 Mac 2016 daripada pemegang saham utamanya, KWSP, untuk melanggan sepenuhnya haknya di bawah Terbitan Hak berdasarkan pegangan saham sebanyak 1,847,895,724 Saham MBSB pada 4 Mac 2016.

[Sumber: Pengumuman MBSB di laman web Bursa Malaysia pada 9 Jun 2016]

KOMEN MSWG:

Ini merupakan panggilan hak ketiga yang dibuat oleh MBSB dalam tempoh 5 tahun dan ia meningkatkan modal berbayarnya daripada kira-kira RM700 juta kepada sekurang-kurangnya RM5.3 bilion (selepas panggilan hak terkini). Pemegang saham MBSB kini berada dalam teka-teki sama ada mahu terus membuat pelaburan modal ke dalam MBSB, yang baru-baru ini mengalami peruntukan kerugian kemerosotan yang besar yang menelan belanja RM700 juta, atau akan mendapati pegangan saham mereka semakin dcairkan dengan panggilan hak terkini.

Walaupun kami memahami yang ia mungkin salah satu hala tuju syarikat untuk mengukuhkan modal terasnya dengan meraih lebih banyak dana daripada pemegang saham dengan harapan untuk mendapatkan lesen perbankan dalam masa terdekat, kami juga melihat perkembangan portfolio MBSB mengambilkira kualiti pinjaman kredit yang lemah pada masa lalu yang akhirnya menekan pulangan kepada pemegang saham. Oleh itu, kami berharap MBSB akan menerapkan kewaspadaan berterusan dalam kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang lebih berhemat.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita in.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.